

Soalan 1-7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai

- 31 Kedudukan Puan Maimon bertambah _____ setelah beliau di lantik sebagai pengurus di syarikat itu.
- A maju C mapan
B makmur D megah
- 2 Puan Salmah telah dilantik sebagai _____ program malam amal kerana mempunyai suara yang merdu.
- A juruacara C jurucakap
B juruhebah D juruulas
- 3 Dia kelihatan _____ ketika berhadapan dengan panel penemu duga.
- A gugup C gagap
B gusar D gempar
- 4 Sebentuk cicin berlian _____ di jari manis gadis itu.
- A terletak C termasuk
B terpakai D tersarung
- 5 Pihak syarikat akan _____ borang-borang permohonan yang telah diterima bagi jawatan tersebut.
- A disaring C menyaringkan
B menyaring D saringan
- 6 Setiap individu mempunyai _____ yang berbeza antara satu sama lain.
- A keupayaan C beruapaya
B mengupayakan D berkeupayaan



- 7 Saban petang Mak Limah bakul yang berisi sayuran untuk dijual pada keesokan harinya.
- A. mengangkat C. menjinjing
B. menjunjung D. memikul

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan

- 8 Ibu menasihati Alif supaya tidak tertawakan pengemis itu. Tiada kesalahan
- A B C D
- 9 Ketua kampung itu tidak menyebelahi siapa-siapa pihak dalam pertikaian keluarga tersebut.
- A B C
Tiada kesalahan
D
- 10 Pengorbanan Haji Khairul selama lima tahun itu terbayar apabila anaknya berjaya menjadi doktor. Tiada kesalahan
- A B C
D
- 11 Pihak kerajaan sentiasa berusaha memajukan kawasan pendalaman demi kesejahteraan rakyat
- A B C
Tiada kesalahan
D
- 12 Sepasang anting-anting emas yang dijumpai oleh Husaini ada dekat Aini dan akan dikembalikan kepada pemiliknya. Tiada kesalahan
- A B

13. ^CSebahagian ^Dbesar ^Apenyokong-^Bpenyokong pasukan itu tidak dapat mengawal perasaan apabila pasukan mereka ^Cmengalami ^Dkekalahan. ^ATiada ^Bkesalahan
14. ^CKebanyakan ^Dpelajar Tingkatan 3 Amanah ^Aberbincang ^Bmengenai ^Cmata pelajaran Bahasa Melayu. ^DTiada kesalahan

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai

15. I Kakak selamat *melahirkan* bayi lelaki yang comel di hospital pagi tadi.
 II Wakil rakyat itu *melahirkan* kenyataan bahawa dia akan bertanding dalam pilihan raya sekali lagi.
 III Novelis Ramli Awang Murshid berjaya *melahirkan* minat pembaca untuk menghayati karya terbarunya.
 IV Haziq *melahirkan* perasaan kecewanya apabila dia gagal dipilih sebagai ketua pasukan bola sepak sekolahnya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja
16. I Dia bertaubat dan telah kembali ke jalan yang *lurus*.
 II Pemuda yang bersikap *lurus* itu sering dipersendakan oleh rakan-rakan sekampungnya.
 III Pandangannya yang *lurus* itu telah diterima sebulat suara oleh semua yang hadir dalam mesyuarat itu.
 IV Pasukan Kadet Polis berjaya membentuk barisan yang *lurus* semasa perhimpunan Hari Unit Beruniform.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja
17. I Nenek *mengepal* pulut untuk dimakan bersama santan dan gula melaka.
 II Kakak *mengepal* surat yang baru diterimanya lalu membuangnya ke dalam tong sampah.
 III Pemuda yang berwajah bengis itu *mengepal* tangannya sambil menunjukkan penumbuknya ke arah kami.
 IV Hamidon *mengepal* tanah itu dengan perasaan sedih kerana tanah pusaka itu terpaksa diserahkan kepada Pak Dolah sebagai melunaskan hutang bapanya.
 A I dan III sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D I, III dan IV sahaja

Soalan 18 hingga Soalan 21

Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digariskan. Bahagian yang **bergaris** itu **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B atau C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan tandakan D.**

18. Pasukan bomba dan penyelamat daerah telah bertindak ganas dan berusaha mengawal api daripada merebak ke rumah bersebelahan.
 A bertindak pantas dan berjaya mengawa.
 B bergerak cepat dan berjaya melawan .
 C bergerak segera dan pantas membendung .
 D bertindak ganas dan berusaha mengawa.
19. Sebanyak 98 murid miskin negeri ini telah mendapat bantuan basikal tahun ini bagi memastikan beban ibu bapa berkurangan menyara persekolahan anak-anak.
 A menyokong ibu bapa mengurangkan beban.
 B menolong ibu bapa membeli basikal .
 C membantu ibu bapa mengurangkan beban.
 D memastikan beban ibu bapa berkurangan.
20. Pak Ngah Zahari menceritakan tentang pengalaman pahitnya semasa menjadi buruh paksaan tentera Jepun.
 A bercerita tentang pengalaman pahit .
 B menceritakan mengenai pengalaman pahitnya.
 C bercerita tentang pengalaman pahitnya.
 D menceritakan tentang pengalaman pahitnya.

- 21 Penghalusan seni bertenun songket Terengganu telah menarik perhatian pelancong-pelancong itu.
- A Kehalusan seni tenunan songket.
 - B Kehalusan seni menenun songket.
 - C Penghalusan kesenian tenunan songket.
 - D Penghalusan seni bertenun songket.

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Matlamat utama mengadakan Hari Kantin adalah untuk memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan hubungan dalam kalangan pelajar.**
- A Semangat kerjasama dan perpaduan harus dipupuk melalui Hari Kantin.
 - B Hari Kantin berjaya memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan hubungan dalam kalangan pelajar.
 - C Hari kantin itu penting untuk menyemaikan sikap tolong-menolong dan merapatkan hubungan antara pelajar.
 - D Menyuburkan semangat kerjasama dan mengeratkan hubungan dalam kalangan para pelajar ialah objektif penting Hari Kantin
23. **Tanaman pisang boleh diusahakan oleh petani sementara menunggu tanaman kelapa sawit mengeluarkan hasil.**
- A Tanaman pisang dan kelapa sawit merupakan usaha petani untuk mendapatkan hasil keluaran.
 - B Petani boleh mengusahakan tanaman pisang sebelum tanaman kelapa sawit mengeluarkan hasil.
 - C Usaha petani menanam pisang dapat menambah pendapatan.
 - D Tanaman kelapa sawit menghasilkan pendapatan lumayan berbanding dengan pisang.
- 24 **“Ikram, cepat naik ke rumah! Dah waktu Maghrib ni,” kata ibu kepada Ikram.**
- A Ibu menyuruh Ikram naik ke rumah kerana waktu Maghrib sudah tiba.
 - B Waktu Maghrib sudah tiba selepas ibu menyuruh Ikram naik ke rumah.
 - C Ikram menyuruh ibunya naik ke rumah kerana waktu Maghrib sudah tiba.
 - D Waktu Maghrib yang telah tiba menyebabkan Ikram dan ibunya naik ke rumah.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- 25
- I “Lakarkan sebuah gambar rajah yang menunjukkan sistem penapisan air suling” kata guru sains kepada pelajar-pelajarnya.
 - II Jejari tayar basikalnya telah bengkok kerana dia terlanggar sebatang pokok.
 - III Mak Usu membeli segugus anggur hijau dari gerai Pak Mamat.
 - IV Adik saya suka mencecah keropok lekor dengan tomato sos.
- A I dan IV
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV
- 26
- I Pihak polis telah menyerbu tempat penyembunyian Anggota Gagak Hitam di Taman Melati Jaya.
 - II Cahaya lampu neon yang dipasang di hadapan rumah Puan Zulaikha amat terang sekali.
 - III “Wah, cantik sungguh pemandangan pada waktu senja!” Kata Arisya dengan rasa kagum.
 - IV Kerajaan kini berusaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berbudi bahasa.
- A I dan II
 - B I, III dan IV
 - C I, II dan III
 - D II, III dan IV
- 27
- I Suara penyanyi terkenal Siti Sarah yang berkumandang di corong radio teramat merdu sekali.
 - II Bahan-bahan kek yang disediakan ibu telah kami gaulkan.
 - III Saya doakan semoga perkahwinan Idrus berkekalan hingga ke anak cucu.
 - IV Makanan di restoran itu kurang menyelerakan kerana tukang masaknya menggunakan minyak tengik.
- A I dan III

- B II dan IV
- C I, II dan IV
- D II, III dan IV

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan peribahasa di bawah ini.

- 28 Ahmad seorang yang berpengalaman dalam bidang penulisan novel tetapi dia tidak suka menunjukkan kelebihannya. Keadaan ini dikatakan
- A bagai haruan makan anak
 - B seperti ikan pulang ke lubuk.
 - C bagai cembul mendapat tutupnya.
 - D seperti harimau menyembunyikan kukunya.



- 29 Pilih peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi dalam gambar di atas.
- A. Bagai pinang dibelah dua
 - B. Bagai bulan dipagar bintang
 - C. Bagai sirih pulang ke gagang
 - D. Bagai menatang minyak yang penuh
- 30 Fatimah menolak pinangan anak Pak Busu. Bagi Fatimah, walaupun pemuda itu tampan, namun dia tidak menggemari tingkah laku pemuda itu yang kurang sopan. Keadaan pemuda itu seperti
- A Minyak setitik, di laut sekalipun timbul juga.
 - B Bunga dedap, sungguh merah berbau tidak.
 - C Kiangbang di air, akarnya tidak jejak di bumi.
 - D Buah kepayang, di makan mabuk dibuang sayang.

Soalan 31-35

Baca pantun di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Gaharu, cengal, giam,
Tak tahu, tak kenal, diam.

Jika ada padi berhampalah,
Jika ada hati berasalah.

Sakit pandan tak tahukan duri,
Sakit badan tak tahukan diri.

Dengara cakap enggang makan buah belolok,
Dengar cakap orang terjun masuk lubuk.

Ada beras taruh dalam padi,
Ada ingat taruh dalam hati.

Mahal imam, murahlah kitab,
Mahal demam, murahlah sakit.

(Dipetik daripada antologi *Gema Sepi Gadis Genius*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 31 Pemantun melalui rangkap pertama pantun menasihati kita agar.....
- A. Mendingkan diri jika ditanya tentang sesuatu perkara.
 - B. Berdiam diri jika ditanya tentang perkara yang telah diketahui oleh semua orang.
 - C. Lebih baik tidak berkata apa-apa jika tidak pasti atau tahu tentang sesuatu perkara.
 - D. Seelok-eloknya mendingkan diri apabila tidak mengetahui secara lanjut tentang sesuatu perkara.
- 32 Maksud rangkap ketiga pantun ialah.....
- A. Kita perlu tahu bila kita akan jatuh sakit.
 - B. Kita mestilah ingat akan orang lain yang jatuh sakit.
 - C. Apabila sakit hendaklah ingat dan sedarkan diri .
 - D. Apabial sihat janganlah lupa ketika kita ditimpa sakit.

***Jika ada padi
berhampalah,
Jika ada hati berhampalah***

- 33 Pengulangan kata *jika* dalam baris di atas ialah gaya bahasa.....
- A. Responsi
 - B. Aliterasi
 - C. Anaphora
 - D. Sinkope
- 34 Yang berikut merupakan ciri-ciri dalam pantun ini **kecuali**.....
- A. Terdiri daripada enam rangkap pantun
 - B. rima baris akhir ialah aa.

35

Kau tak rindu akan pisau cukur yang pernah tergores di leher jenjangmu? Manis, sudah lapan bulan abah tidak menggunting rambutmu. Betulkah alasan yang selalu kauberikan waktu kita berbual di telefon?

“Manis betul-betul tak dapat balik. Manis sibuk sebab sekarang tahun akhir. Abah janganlah risau, rambut Manis sentiasa pendek dan kemas. Manis gunting di salun rambut Cina.”

Manis, adakah kau faham? Abah terlalu rindu akan kau. *Jari-jemari abah ni seperti menari-nari sendiri* setiap kali teringat akan rambut hitammu itu. Manis, kau tak perlukan tenaga abah lagi?

“Abah, kawan Manis telefon,” ujar anak lelaki sulungku cemas. Lamunan panjangku terhenti di situ. Segera aku meninggalkan perkakas menggunting rambut di dalam pegangan. Petang itu juga, kami bergegas ke Kuala Lumpur. Manis sakit rupa-rupanya. Ketiga-tiga anak elakiku tidak putusputus menenangkan perasaanku. Kami tiba lewat di hospital, namun Manis tetap tersenyum menyambut kedatangan kami.

Kenapa aku tidak pernah maklum bahawa Manis menghidap leukemia? Patutlah Manis selalu kurang sihat. Patutlah Manis sudah ama tidak menjengah kampung. Patutlah Manis berbohong kepadaku. Manis akan mengikut jejak ibunya. Manis akan meninggalkan kami semua. Manis akan meninggalkan aku.

Hati seorang abah mana yang tidak sebak melihat anaknya tersenyum manis, sedangkan wajahnya pucat tidak berdarah, bibirnya kering, rambutnya gugur.

“Manis sayang akan rambut ni, abah,” ujar Manis perlahan.

Aku mengangguk faham. Manis menggenggam segumpal rambutnya. Aku mengusap kepalanya. Melekat beberapa helai rambutnya di celah-celah jariku. Aku menangis. Rambut Manis kelihatan panjang separas bahu. Inikah wajah yang ama tidak kutatapi? Inikah rambut yang telah ama tidak kugunting?

Air mataku menitis perlahan melihat kepala Manis yang separuh botak. Kulit kepalanya kelihatan. Manis tersenyum juga sambil memegang rambutnya. Manis menarik tanganku. Aku dapat merasai rambut Manis yang nipis gugur di tangan aku sendiri. Aku memeluk Manis erat-erat. Manis, inikah usia rambut panjangmu?

Soalan
Baca pe

36 Apakah alasan Manis kepada “aku” apabila tidak dapat balik ke kampung?

- A. Sibuk kerana belajar di tahun akhir pengajian.
- B. Sibuk kerana belajar di bandar.
- C. Sudah ada tukang gunting rambut baru.
- D. Sedang sibuk membuat tugas penting.

37 “Aku” berasa sebak apabila melihat Manis tersenyum kerana.....

- A. Melihat rambut Manis yang sudah panjang semula.
- B. Melihat rambut Manis yang sudah dipotong pendek.
- C. Melihat diri Manis yang pucat dan menanggung kesakitan.
- D. Melihat kepala Manis yang sudah separuh botak.

**Jari- jemari abah ni seperti menari-
nari sendiri**

38 Frasa yang bergaris di atas merupakan gaya bahasa.....

- A. Simile
- B. Hiperbola
- C. Aliterasi
- D. Inverse

39 Yang berikut merupakan perwatakan “aku” dalam cerpen, **kecuali...**

- A. Tabah
- B. Peramah
- C. Penyayang
- D. Gigih berusaha

40 Tema cerpen Anak Penggunting Rambut ialah.....

- A. Kasih sayang antara anak dengan ayah.
- B. Kasih sayang yang tidak kesampaian.
- C. Pengorbanan anak terhadap keluarga.
- D. Penderitaan yang dialami oleh seorang bapa.

SULIT
02/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Mei
2011
1 jam

02/1

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT PASIR,
MUAR.

**PEPERIKSAAN SETENGAH TAHUN 2011
TINGKATAN 2**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap Soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

.....

.....

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

02/1

[Lihat sebelah

SULIT